Bumi Cash Sdn Bhd lwn Bumiputra-Commerce Bank Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO R1–22–08 TAHUN 2003
RAUS SHARIF H
11 AUGUST 2006

Pembankan — Bank dan pelanggan — Pemalsuan — Pembayaran oleh defendan kepada plaintif dibuat atas pemalsuan dokumen — Plaintif tidak diperkayakan dengan secara tidak adil — Pembayaran yang dimasukkan ke akaun plaintif untuk pembelian matawang US$ — Sama ada defendan berhak mendapatkan balik jumlah tersebut yang telahpun dibayar

Tort — Fitnah — Libel — Penolakan dua keping cek — Kedua-dua cek tersebut tidak melibatkan perniagaan plaintif — Ganti rugi

Plaintif menjalankan urusniaga pengurup matawang asing telah menuntut terhadap defendan, sebuah bank yang berlesen, suatu deklarasi bahawa akaun semasa plaintif bersama defendan telah didebitkan secara salah untuk jumlah RM478,000. Defendan dalam pembelaannya telah menyatakan bahawa ia telah bertindak dengan sah di sisi undang-undang apabila mendebitkan wang sebanyak RM478,000 ke akaun plaintif dan selepas itu mengenakan faedah-faedah penalti ke atas amaun tersebut. Menurut defendan, setakat 31 Julai 2003, akaun plaintif mempunyai baki debit berjumlah sebanyak RM544,879.43 dan merupakan jumlah yang dihutangi oleh plaintif kepada defendan. Defendan menuntut balas terhadap plaintif untuk jumlah sebanyak RM544,879.43. Dari keterangan saksi-saksi plaintif ke defendan bolehlah dirumuskan bahawa seorang lelaki yang tidak dikenali telah pada 4 Mac 2002 memohon kepada cawangan defendan di Bangi untuk membuat dua bank draft. Kedua-dua bank draft tersebut hendak didebitkan kepada satu akaun yang dipegang oleh Meditop Corporation Sdn Bhd ('Meditop') iaitu pelanggan defendan. Menurut defendan, borang yang digunakan untuk mengeluarkan RM478,000 dari akaun Meditop telah dipalsukan dan jumlah tersebut kemudiannya dimasukkan ke akaun plaintif. Ini membuat pembayaran RM478,000 ke akaun plaintif telah dibuat tanpa mandat Meditop dan Meditop tidak mempunyai apa-apa alasan untuk membayar RM478,000 atau pun sebarang jumlah yang lain kepada plaintif. Jadi, menurut defendan pembayaran RM478,000 kepada akaun plaintif adalah atas kesilapan fakta dan defendan berhak mendapatkan balik jumlah tersebut kerana plaintif tidak pernah atau boleh menjadi pemilik jumlah tersebut. Plaintif pula menyatakan bahawa pada 4 Mac 2002, seorang pelanggan yang dikenali sebagai Chong Ming Fong telah datang ke perniagaan plaintif untuk menukar matawang Dollar Amerika (US$) dalam jumlah yang besar. Untuk tujuan itu Chong Ming Fong telah mengkreditkan RM478,000 ke dalam akaun plaintif. Terdapat dua isu, iaitu sama ada defendan telah bertindak dengan sah di sisi undang-undang di dalam mendebitkan wang sejumlah RM478,000 ke akaun plaintif dan sama ada defendan

berhak mendapatkan balik jumlah tersebut bersama faedah-faedah penalti yang telah dikenakan daripada plaintif. Isu kedua sekiranya pendebitan jumlah RM478,000 oleh defendan ke akaun plaintif itu adalah salah di sisi undang-undang, apakah kerugian yang telah dialami oleh plaintif dan adakah plaintif telah membuktikan kerugian yang telah dialami.

Diputuskan, menolak tuntutan tersebut:

(1) Di dalam kes ini memang tidak boleh dinafikan bahawa terdapat pemalsuan dokumen dalam pengeluaran RM478,000 dari akaun Meditop dan jumlah tersebut kemudiannya telah dikreditkan ke akaun plaintif. Defendan telah cuba untuk mengaitkan plaintif terutamanya pengarah plaintif (SP1) terlibat kepada pemalsuan yang berlaku. Tetapi, pegawai penyiasat (SP4) kepada laporan polis yang dibuat oleh defendan mengenai pemalsuan itu telah dalam keterangannya mengesahkan bahawa hasil siasatannya menunjukkan bahawa SP1 tidak terlibat dalam pemalsuan tersebut. SP4 juga telah memberi keterangan bahawa penyiasatannya mengenai laporan polis defendan telah menuju ke jalan buntu kerana Chong Ming Fong masih tidak dapat dikesan walaupun daripada semakannya dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Chong Ming Fong itu sememangnya wujud (lihat perenggan 25).

(2) Kejadian yang berlaku terhadap defendan adalah kejadian yang malang. Defendan telah mengalami kerugian akibat pemalsuan dokumen yang berlaku di cawangannya di Bangi. Persoalannya, adakah kerugian yang dialami oleh defendan boleh dipertanggungkan kepada plaintif. Plaintif tidak boleh dikatakan telah diperkayakan dengan secara tidak adilnya, kerana plaintif sebenarnya telah menggunakan wang RM478,000 itu untuk membayar Chong Ming Fong, yang membeli US$ daripada plaintif. Plaintif tidak seharusnya dijadikan mangsa atas sistem pemantauan defendan yang gagal mengesan pemalsuan yang berlaku. Defendan sepatutnya yang menanggung kerugian tersebut (lihat perenggan 27).

(3) Dalam keadaan yang sedemikian, maka tuntutan plaintif untuk suatu deklarasi bahawa akaun semasa plaintif bersama defendan telah didebitkan secara salah untuk jumlah RM478,000 dan faedah-faedah penalti di atas amaun tersebut semenjak 8 Mac 2002 oleh defendan adalah dibenarkan. Defendan hendaklah merektifikasikan akaun semasa plaintif itu untuk menunjukkan bahawa plaintif tidak berhutang RM478,000 serta faedah-faedah dan penalti yang dikenakan. Rektifikasi itu hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh penghakiman ini (lihat perenggan 28).

(4) Tidak terdapat keterangan yang nyata bahawa plaintif tidak dapat membuka cawangan baru disebabkan akaun plaintif telah dibekukan oleh defendan. Seperti yang diakui oleh SP1, untuk membuka cawangan baru, kebenaran mestilah diperolehi terlebih dahulu dari Bank Negara Malaysia ('BNM'). Dalam hal ini SP1 telah mengemukakan P26, iaitu permohonan plaintif kepada BNM. Tetapi tidak pula dikemukakan apa-apa dokumen untuk menunjukkan permohonan itu telah ditolak oleh BNM melainkan keterangan lisan SP1. Tetapi, jika keterangan lisan SP1 hendak diterima, alasan mengapa

ianya ditolak tidak diketahui kerana plaintif tidak memanggil saksi dari BNM untuk mengesahkan keterangan lisan SP1 (lihat perenggan 37).

(5) Tuntutan plaintif untuk ganti rugi libel kerana defendan telah dengan salahnya menolak dua keping cek P5 dan P6, yang dikeluarkan oleh plaintif walhal semasa plaintif mengeluarkan cek-cek tersebut, plaintif mempunyai wang yang mencukupi di dalam akaunnya adalah dibenarkan. Cek P5 sebanyak RM2,500 dikeluarkan oleh plaintif untuk membayar servis kereta plaintif. Manakala cek P6 berjumlah RM4,750 untuk membeli komputer. Kedua-dua cek tersebut tidak melibatkan perniagaan plaintif yang berurusan sebagai pengurup matawang asing. Namun demikian, tindakan defendan tetap tergolong kepada perbuatan libel dan plaintif adalah berhak untuk menuntut ganti rugi. Ganti rugi yang adil dan munasabah adalah sebanyak RM50,000 (lihat perenggan 58, 62).

[English summary

The plaintiff is in the business of money changing sought against the defendant, a licensed bank, a declaration that the plaintiff's current account with the defendant was wrongfully debited with the sum of RM478,000. The defendant in its defence stated that it has acted lawfully in debiting the sum of RM478,000 to the plaintiff's account and imposing penalty interests on the said amount. According to the defendant, as at 31 July 2003, the plaintiff's account had a debit balance of RM544,879.43 which was the amount owed by the plaintiff to the defendant. The defendant counter claimed against the plaintiff for the sum of RM544,879.43. From the plaintiff to the defendant witnesses' evidence, it can be gathered that an unknown man had on 4 March 2002 applied to the defendant's branch in Bangi for two bank drafts. Both the said bank drafts were to be debited into an account held by Meditop Corporation Sdn Bhd ('Meditop') a customer of the defendant. According to the defendant, the form used for the withdrawal of the RM478,000 from the Meditop account was forged and the said amount was then credited into the plaintiff's account. This means the payment of RM478,000 into the plaintiff's account was made without the mandate of Meditop and Meditop had no reason to pay RM478,000 nor any other sum to the plaintiff. Hence, according to the defendant the payment of RM478,000 to the plaintiff's account was based on mistaken facts and the defendant had the right to claim back the said sum because the plaintiff was never nor could be the owner of the said sum. The plaintiff claimed that on 4 March 2002, a customer known as Chong Ming Fong came to him to change American Dollars (US$) in large amounts. For that purpose, Chong Ming Fong credited RM478,000 to the plaintiff's account. There were two issues, whether the defendant acted lawfully in debiting the said sum of RM478,000 to the plaintiff's account and whether the defendant has the right to claim back the said sum together with penalty interests imposed by the plaintiff. The second issue is whether if the defendant unlawfully debited the sum of RM478,000 into the plaintiff's account, what loss has been suffered by the plaintiff and whether the plaintiff is able to prove its losses.

Held, not allowing the claim.

(1) In this case, it cannot be denied that forged documents were used in withdrawing RM478,000 from Meditop's account and the said sum was then credited into the plaintiff's account. The defendant tried to link the plaintiff especially the director of the plaintiff (SP1) as being involved in the said forgery. However, the investigating officer (SP4) investigating the police report lodged by the defendant on the forgery had in his evidence confirmed SP1 was not involved in the said forgery. SP4 also gave evidence that the investigation on the police report lodged by the defendant met with a dead end as they were unable to trace Chong Ming Fong even though a search with the National Registration Department revealed that Chong Ming Fong existed (see para 25).

(2) The incident that occured against the defendant is unfortunate. The defendant suffered loss as a result of the forged documents at its branch in Bangi. The question is whether the loss suffered by the defendant could be borne by the plaintiff. The plaintiff cannot be said to have unjustly enriched itself, as the plaintiff used the said sum of RM478,000 to pay Chong Ming Fong, who bought US$ from the plaintiff. The plaintiff ought not to be made a victim of the defendant's monitoring system which failed to detect the forgery. The defendant ought to bear the said losses (see para 27).

(3) In such a situation, the plaintiff's claim for a declaration that the plaintiff's current account with the defendant has been wrongfully debited with the sum of RM478,000 and penalty interests on the said amount since 8 March 2002 by the defendant is allowed. The defendant must rectify the current account of the plaintiff to show that the plaintiff no longer owed RM478,000 together with penalty interests imposed. The rectification must be made within 14 days from the date of this judgment (see para 28).

(4) There was no clear evidence that the plaintiff did not open a new branch as a result of the freezing of the plaintiff's account by the defendant. As admitted by SP1, to open a new branch, approval must be obtained beforehand from Bank Negara Malaysia ('BNM'). In this matter, SP1 produced P26, which is an application by the plaintiff to BNM. However there were no other documents produced to show that the application was rejected by BNM other than the oral testimony of SP1. However if the oral testimony of SP1 is to be accepted, the reason why it was rejected was not known as the plaintiff did not call any witnesses from BNM to confirm the oral testimony of SP1 (see para 37).

(5) The plaintiff's claim for damages for libel as the defendant wrongfully rejected two cheques P5 and P6, which was issued by the plaintiff, even though at the time of issuing those cheques, the plaintiff had sufficient funds in their account is allowed. The P5 cheque for RM2,500 issued by the plaintiff was to pay for the plaintiff's car service. While the P6 cheque for RM4,750 was to buy a computer. Both the said cheques are not connected to the plaintiff's business of moneychanging. Nevertheless, the defendant's act amounted to libel and the plaintiff has the right to seek damages. A just and reasonable damages will be RM50,000 (see para 58, 62).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai libel, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 314–434.
Untuk kes-kes mengenai pemalsuan, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1847–1852.

Kes-kes yang dirujuk

Bank Bumiputra Malaysia Berhad v First Circle Rubber Products Sdn Bhd [2004] 7 MLJ 168 (diikut)
Bank Bumiputra Malaysia Bhd v Hashbuddin Hashim [1998] 2 CLJ Supp 332 (dibeza)
Chartered Bank, The v Yong Chan [1974] 1 MLJ 157 (dirujuk)
Great One Coconut Products Industries (M) Sdn Bhd v Malayan Banking Bhd [1985] 2 MLJ 469 (dirujuk)
TOP-A Plastik Sdn Bhd v BCBB (Suit No D5–22–1449 tahun 2000) (dirujuk)
Templeton & Ors v Low Yat Holdings Sdn Bhd & Anor [1993] 1 MLJ 443 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 101
Akta Kontrak 1950 s 73

Suria Kumar (Suria Kumar & Co) bagi pihak plaintif.
Arham Rahimy (Wong Hok Mun bersama beliau) (Azim, Tunku Farik & Wong) bagi pihak defendan.

Raus Sharif H:

PENDAHULUAN

[1] Plaintif, sebuah syarikat sendirian berhad, melalui writ saman dan penyata tuntutan bertarikh 14 Julai 2003 telah menuntut terhadap defendan, sebuah bank yang berlesen, antara lain perkara-perkara berikut:

(i) suatu deklarasi bahawa akaun semasa plaintif bersama defendan, No 0506-0017242-05-3 telah didebitkan secara salah untuk jumlah RM478,000 dan untuk faedah-faedah penalti di atas amaun tersebut sejak 8 Mac 2002, oleh defendan;

(ii) ganti rugi am yang ditafsirkan;

(iii) faedah sebanyak 8% setahun di atas ganti rugi am yang ditafsirkan dari tarikh 8 Mac 2002 sehingga ke tarikh penyelesaian sepenuhnya; dan

(iv) kos.

[2] Defendan dalam pembelaannya telah menyatakan bahawa ia telah bertindak dengan sah di sisi undang-undang apabila mendebitkan wang sebanyak RM478,000 ke akaun plaintif dan selepas itu mengenakan faedah-faedah penalti ke atas amaun tersebut. Menurut defendan, setakat 31 Julai 2003, akaun plaintif mempunyai baki debit berjumlah sebanyak RM544,879.43 dan merupakan jumlah yang dihutangi

oleh plaintif kepada defendan. Jadi defendan menafikan dakwaan plaintif bahawa plaintif telah mengalami kerugian akibat tindakan defendan itu. Sebaliknya defendan menuntut balas terhadap plaintif untuk:

(i) jumlah sebanyak RM544,879.43;

(ii) faedah ke atas jumlah tersebut pada kadar 3.5% setahun atas kadar pinjaman asas defendan dari 1 Ogos 2003 sehingga tarikh penyelesaian penuh; dan

(iii) kos.

[3] Semasa perbicaraan plaintif telah mengemukakan 6 orang saksi, iaitu:-

(i) Colin Osmund Miranda (SP1), pengarah plaintif;

(ii) Mohamed Salim bin Mohamd Miskin (SP2), pekerja KL Resources Sdn Bhd;

(iii) How Say Meng (SP3), Pengurus Hebat Megah Sdn Bhd;

(iv) Cif Inspektor Ahmad Izuddin bin Mohd Johari (SP4), Pegawai Penyiasat laporan polis Bandar Baru Bangi 684/2002;

(v) Henry John (SP5), Pengurus Kompleks, Terminal 1, Shopping Centre, Seremban; dan

(vi) Richard William a/l Wilfred (SP6), juruaudit plaintif.

[4] Defendan pula telah memanggil 4 orang saksi, iaitu:

(i) Kyogi Takagi (SD1), Pengarah Urusan Meditop (M) Sdn Bhd;

(ii) Ang Kim Swee (SD2), Pengarah Kewangan Meditop (M) Sdn Bhd;

(iii) Rosmawati Hj Sulaiman (SD3), Pengurus Perkhidmatan Pelanggan defendan yang pada masa kejadian berkhidmat di Cawangan defendan di Bangi;

(iv) Imawati bte Idris (SD4), Pegawai Perkhidmatan Pelanggan Cawangan defendan di Seremban.

KES PLAINTIF

[5] Plaintif menjalankan urusniaga pengurup matawang asing semenjak tahun 2000 di alamat perniagaan di Lot GK-01, Ground Floor Terminal One, Shopping Centre, 70000 Seremban, Negeri Sembilan ('Terminal One'). Di dalam menjalankan urusniaganya, plaintif mempunyai suatu akaun semasa No 0506-0017242-05-03 ('akaun plaintif') di cawangan defendan di Dato' Bandar Tunggal 1A, Wisma Dewan Perniagaan Melayu, Negeri Sembilan (cawangan defendan di Seremban).

[6] Saksi utama plaintif, SP1, dalam keterangannya telah menyatakan bahawa pada 4 Mac 2002, seorang pelanggan yang dikenali sebagai Chong Ming Fong telah datang ke lot perniagaan plaintif di Terminal One untuk menukar matawang Dollar Amerika (US$) dalam jumlah yang besar. Untuk tujuan itu Chong Ming Fong telah mengkreditkan RM478,000 ke dalam akaun plaintif. Menurut SP1, Chong Ming Fong berbuat demikian kerana beliau khuatir untuk membawa wang tunai Ringgit

Malaysia dalam kuantiti yang banyak secara fizikal ke lot perniagaan plaintif di Terminal One yang merupakan kawasan perhentian bas dan teksi, Seremban.

[7] Pada tarikh tersebut iaitu 4 Mac 2002, plaintif tidak mempunyai US$ yang mencukupi untuk ditukarkan kepada Chong Ming Fong. Jadi plaintif telah mengeluarkan wang yang didepositkan oleh Chong Ming Fong untuk tujuan membeli matawang US$ dari pengurup-pengurup matawang asing. Tetapi pada hari itu plaintif hanya dapat mengeluarkan RM350,000 dari akaun plaintif kerana pada tarikh itu cawangan defendan di Seremban kehabisan wang tunai. Jadi pada 4 Mac 2002, untuk tujuan membayar Chong Ming Fong, plaintif di samping membeli matawang US$ dengan menggunakan RM350,000 telah mendapatkan pendahuluan matawang US$ daripada pengurup-pengurup matawang asing iaitu Hebat Megah Sdn Bhd, KL Resources Sdn Bhd dan Bintang Duit Sdn Bhd. Pendahuluan itu telah dibayar oleh plaintif pada keesokan harinya, apabila plaintif mengeluarkan baki wang yang didepositkan oleh Chong Ming Fong ke akaun plaintif.

[8] Dalam transaksi penukaran wang tersebut plaintif telah mengeluarkan resit rasmi syarikat plaintif iaitu No 0612 kepada Chong Ming Fong yang menunjukkan plaintif telah membayar US$125,000 kepada Chong Ming Fong. Di samping itu plaintif telah mendapatkan salinan kad pengenalan Chong Ming Fong untuk rekod plaintif.

[9] Seterusnya, SP1 menyatakan bahawa pada 8 Mac 2002 tanpa pengetahuan dan keizinan plaintif, defendan telah mendebitkan RM478,000 ke akaun plaintif. Dengan tindakan defendan itu akaun plaintif yang pada masa itu mempunyai kredit RM19,227.50 telah menjadi terhutang sebanyak RM381,962.50. Dalam kedudukan akaun plaintif terhutang sebanyak RM381,962.50 itu, plaintif telah mengeluarkan dua keping cek iaitu P5 dan P6 kepada pihak ketiga. Kedua-dua cek tersebut telah dikembalikan kerana kekurangan wang di akaun plaintif. Apabila plaintif membuat pertanyaan kepada defendan, barulah plaintif mendapat tahu bahawa akaun plaintif telah didebitkan RM478,000 oleh defendan dan dengan itu tidak ada wang yang boleh dikeluarkan oleh plaintif.

[10] Berikutan dengan tindakan defendan mendebitkan RM478,000 ke akaun plaintif, defendan seterusnya telah mendebitkan faedah-faedah penalti tiap-tiap bulan ke atas jumlah yang terhutang dengan defendan semenjak bulan Mac 2002. Plaintif juga tidak dibenarkan oleh defendan untuk mengeluarkan baki RM19,277.50 di dalam akaun plaintif walaupun permintaan bertulis telah dibuat oleh plaintif.

[11] Jadi asas tuntutan plaintif terhadap defendan ialah, defendan telah memungkiri kontraknya dengan plaintif apabila defendan mendebitkan RM478,000 bersama-sama faedah dan penalty tanpa kebenaran dan pengetahuan plaintif. Dengan itu plaintif tidak dapat menggunakan akaun plaintif untuk urusan perniagaannya.

[12] Jadi menurut plaintif, akibat pemungkiran kontrak oleh defendan, plaintif telah mengalami kerugian dan dengan itu menuntut:

(i)	Pampasan (Compensatory Damages)	— RM 944,774
(ii)	Ganti rugi Teladan	— RM 236,193.50
(iii)	Yuran Juruaudit	— RM 7,150
(iv)	Libel	— RM 100,000
	Jumlah	RM1,288,117.50

[13] Plaintif juga memohon faedah sebanyak 8% setahun di atas jumlah ganti rugi am yang diawardkan dari tarikh pemfailan saman dan juga kos.

KES DEFENDAN

[14] Defendan tidak menafikan fakta bahawa defendan sememangnya telah mendebitkan ke akaun plaintif sebanyak RM478,000 pada 8 Mac 2002. Defendan melalui keterangan saksi-saksi telah menerangkan mengapa ia bertindak atau melakukan sedemikian.

[15] Dari keterangan saksi-saksi plaintif ke defendan bolehlah dirumuskan bahawa pada 4 Mac 2002 seorang lelaki yang tidak dikenali telah memohon kepada cawangan defendan di Universiti Kebangsaan Bangi (cawangan defendan di Bangi) untuk membuat dua bank draft. Kedua-dua bank draft tersebut hendak didebitkan kepada akaun No 1218-007394-05-3 yang dipegang oleh Meditop Corporation Sdn Bhd ('Meditop') iaitu pelanggan defendan di cawangan defendan di Bangi. Satu daripada bank draft tersebut adalah atas nama plaintif sebagai penerima untuk jumlah sebanyak RM478,000.

[16] Cawangan defendan di Bangi, setelah mendapat pengesahan dari Cik Linda, (yang telah dinamakan oleh Meditop sebagai orang yang bertanggungjawab dalam hal ehwal akaun Meditop), telah mengeluarkan bank draft kepada lelaki tersebut. Setelah bank draft tersebut dikeluarkan oleh cawangan defendan di Bangi, bank draft tersebut telah didepositkan secara talian terus dan satu daripadanya adalah ke akaun plaintif di cawangan defendan di Seremban sebanyak RM478,000. Pada keesokan harinya adalah didapati bahawa pengeluaran wang dari akaun Meditop telah melibatkan pemalsuan dokumen. Defendan telah melaporkan perkara itu kepada pihak polis melalui laporan polis Bandar Baru Bangi 684/2002 bertarikh 5 Mac 2002.

[17] Defendan mengatakan bahawa plaintif tidak berhak ke atas RM478,000 tersebut. Ini adalah kerana tidak ada alasan untuk Meditop untuk membayar RM478,000 ataupun sebarang jumlah yang lain kepada plaintif. Jadi menurut defendan fakta bahawa RM478,000 telah dikeluarkan daripada akaun Meditop dan kemudiannya dimasukkan ke akaun plaintif adalah atas kesilapan fakta oleh defendan.

[18] Jadi pada asasnya, defendan mendakwa bahawa defendan adalah berhak mendebitkan jumlah sebanyak RM478,000 ke akaun plaintif pada 8 Mac 2002 kerana jumlah tersebut telah dibayar oleh defendan kepada akaun plaintif pada

4 Mac 2002, atas kesilapan fakta. Adalah menjadi kes defendan bahawa ia berhak untuk mendapatkan semula wang tersebut untuk mengelak plaintif diperkayakan secara tidak adil. Jadi soal kerugian seperti yang didakwa oleh plaintif tidak timbul. Secara alternatif defendan mendakwa bahawa sekiranya defendan silap dalam tindakannya mendebitkan RM478,000 ke akaun plaintif, plaintif gagal untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian, kerugian yang telah dialami oleh plaintif.

ISU-ISU DAN KEPUTUSAN

[19] Terdapat dua isu utama yang perlu diputuskan di dalam kes ini iaitu:-

(i) sama ada defendan telah bertindak dengan sah di sisi undang-undang di dalam mendebitkan wang sejumlah RM478,000 ke akaun plaintif dan sama ada defendan berhak mendapatkan balik jumlah tersebut bersama faedah-faedah penalti yang telah dikenakan daripada plaintif; dan

(ii) sekiranya pendebitan jumlah RM478,000 oleh defendan ke akaun plaintif itu adalah salah di sisi undang-undang, apakah kerugian yang telah dialami oleh plaintif dan adakah plaintif telah membuktikan kerugian yang telah dialami.

Isu Pertama

[20] Mengenai isu ini tuntutan plaintif dan tuntutan balas defendan adalah saling berhubungan. Persoalannya, adakah defendan berhak dari segi undang-undang untuk mendebitkan RM478,000 ke akaun plaintif dan seterusnya berhak mendapatkan balik jumlah tersebut bersama faedah dan penalti berjumlah RM544,879.43 atas dasar pembayaran dibuat kerana kesilapan fakta. Defendan mempremiskan haknya terhadap jumlah RM478,000 berdasarkan dua kausa tindakan. Pertamanya, di bawah undang-undang lazim ('common law') untuk mendapatkan baki wang yang dibayar kerana kesilapan fakta. Keduanya, di bawah s 73 Akta Kontrak 1950 yang menyatakan:

> A person to whom money has been paid, or anything delivered, by mistake or pay under coercion, must repay or return it.

[21] Menurut defendan, borang yang digunakan untuk mengeluarkan RM478,000 dari akaun Meditop telah dipalsukan dan jumlah tersebut kemudiannya dimasukkan ke akaun plaintif. Ini membuat pembayaran RM478,000 ke akaun plaintif telah dibuat tanpa mandat Meditop dan Meditop tidak mempunyai apa-apa alasan untuk membayar RM478,000 atau pun sebarang jumlah yang lain kepada plaintif. Jadi, menurut defendan pembayaran RM478,000 kepada akaun plaintif adalah atas kesilapan fakta dan defendan berhak mendapatkan balik jumlah tersebut kerana plaintif tidak pernah atau boleh menjadi pemilik jumlah tersebut.

[22] Untuk menyokong kesnya, defendan telah merujuk kepada kes *Bank Bumiputra Malaysia Bhd v Hashbuddin Hashim* [1998] 2 CLJ Supp 332 ('*Hashbuddin Hashim*'). Di dalam kes tersebut pihak bank telah membuat pembayaran cek yang mana telah dibatalkan oleh pelanggannya. Adalah diputuskan

bahawa pembayaran tersebut merupakan satu pengingkaran terhadap mandat pelanggan. Dalam memberi keputusan yang memihak kepada bank, Nik Hashim H (pada masa itu) telah menyatakan:

> In the present case, the evidence clearly shows that the respondent had received the payment of RM25,000 from the bank. This sum was not legally due to the respondent as the cheque had been countermanded before payment. The bank had no mandate to pay the cheque to the respondent and the respondent had no authority to receive the money … In the particular circumstances of the case, it is not right for the respondent to keep the money. He is bound by ties of natural justice and equity to refund the money to the bank.

[23] Defendan berhujah bahawa kes defendan adalah sama dari segi fakta dengan kes *Hashbuddin Hashim*. Menurut defendan jumlah RM478,000 tidak sepatutnya dibayar kepada plaintif dan plaintif sewajarnya membayar balik jumlah tersebut kepada defendan.

[24] Dengan hormatnya, saya berpendapat bahawa fakta kes ini adalah tidak sama dengan fakta kes *Hashbuddin Hashim*. Di dalam kes ini, plaintif tidak diperkayakan dengan secara tidak adil ('unjustly enriched'). Ini adalah kerana RM478,000 itu telah dimasukkan ke akaun plaintif untuk pembelian matawang US$ daripada plaintif oleh Chong Ming Fong. Keterangan dari saksi-saksi plaintif iaitu SP1, SP2 dan SP3 menunjukkan bahawa transaksi tersebut sememangnya berlaku di mana Chong Ming Fong telah dibayar US$125,000. Resit rasmi plaintif No 0612 untuk transaksi tersebut telah dikeluarkan kepada Chong Ming Fong. Malah salinan kad pengenalan Chong Ming Fong telah diambil oleh plaintif. Jadi transaksi penukaran wang RM478,000 ke US$ antara Chong Ming Fong dan plaintif sememangnya berlaku.

[25] Di dalam kes ini memang tidak boleh dinafikan bahawa terdapat pemalsuan dokumen dalam pengeluaran RM478,000 dari akaun Meditop dan jumlah tersebut kemudiannya telah dikreditkan ke akaun plaintif. Defendan telah cuba untuk mengaitkan plaintif terutamanya SP1 terlibat kepada pemalsuan yang berlaku. Tetapi SP4, pegawai penyiasat kepada laporan polis yang dibuat oleh defendan mengenai pemalsuan itu telah dalam keterangannya mengesahkan bahawa hasil siasatannya menunjukkan bahawa SP1 tidak terlibat dalam pemalsuan tersebut. SP4 juga telah memberi keterangan bahawa penyiasatannya mengenai laporan polis defendan telah menuju ke jalan buntu kerana Chong Ming Fong masih tidak dapat dikesan walaupun daripada semakannya dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Chong Ming Fong itu sememangnya wujud.

[26] Juga, dari keterangan SP4 bahawa terdapat lebih dari satu pemalsuan bank draft yang telah berlaku pada 4 Mac 2002 di cawangan defendan di Bangi di mana benifisiarinya tidak terhad kepada plaintif tetapi kepada pihak lain yang tidak diketahui. Jadi keterangan SP4, seorang saksi bebas yang tidak berkepentingan dalam kes ini, adalah menyokong keseluruhan keterangan plaintif bahawa plaintif tidak terlibat atau mengetahui pemalsuan dokumen apabila jumlah RM478,000 dikreditkan ke akaun plaintif untuk ditukar dengan US$.

[27] Pada saya kejadian yang berlaku terhadap defendan adalah kejadian yang malang. Defendan telah mengalami kerugian akibat pemalsuan dokumen yang berlaku di cawangannya di Bangi. Persoalannya, adakah kerugian yang dialami oleh defendan boleh dipertanggungkan kepada plaintif. Saya berpendapat tidak. Pada saya plaintif tidak boleh dikatakan telah diperkayakan dengan secara tidak adilnya, kerana plaintif sebenarnya telah menggunakan wang RM478,000 itu untuk membayar Chong Ming Fong, yang membeli US$ daripada plaintif. Pada saya, plaintif tidak seharusnya dijadikan mangsa atas sistem pemantauan defendan yang gagal mengesan pemalsuan yang berlaku. Defendan sepatutnya yang menanggung kerugian tersebut.

[28] Dalam keadaan yang sedemikian, maka tuntutan plaintif untuk suatu deklarasi bahawa akaun semasa plaintif bersama defendan No 0506-0017242-05-3 telah didebitkan secara salah untuk jumlah RM478,000 dan faedah-faedah penalti di atas amaun tersebut semenjak 8 Mac 2002 oleh defendan adalah dibenarkan. Defendan hendaklah merektifikasikan akaun semasa plaintif itu untuk menunjukkan bahawa plaintif tidak berhutang RM478,000 serta faedah-faedah dan penalti yang dikenakan. Rektifikasi itu hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh penghakiman ini.

[29] Dengan keputusan yang sedemikian maka tuntutan balas defendan adalah ditolak.

Isu Kedua

[30] Isu kedua ialah mengenai kuantum. Di dalam hal ini, plaintif telah menuntut seperti berikut:-

(i)	Pampasan (Compensatory Damages)	—	RM 944,774
(ii)	Ganti rugi Teladan	—	RM 236,193.50
(iii)	Yuran Juruaudit	—	RM 7,150
(iv)	Libel	—	RM 100,000
	Jumlah		RM1,288,117.50

[31] Tuntutan plaintif di bawah kategori pampasan sebanyak RM944,774 telah dipecahkan kepada tiga item iaitu:

(i)	(Ganti rugi untuk kerugian pendapatan (loss of revenue) kerana tidak berupaya membuka cawangan baru		RM 303,891
(ii)	Ganti rugi untuk kehilangan penggunaan akaun semasa plaintif	—	RM 90,000
(iii)	Ganti rugi kerana kehilangan nama baik (goodwill) dan imej	—	RM 550,883
	Jumlah		RM 944,774

(a) Kerugian Pendapatan

[32] Di bawah item ini plaintif menyatakan bahawa akibat tindakan defendan yang membekukan akaun plaintif, plaintif telah kehilangan peluang untuk membuka satu lagi cawangan baru di Terminal One. Menurut plaintif, bahawa permohonannya untuk membuka cawangan di Terminal One tersebut telah ditolak dan sebaliknya sebuah syarikat pengurup matawang asing yang lain iaitu Hebat Megah Sdn Bhd telah dibenarkan. Jadi menurut plaintif, ia telah mengalami kerugian pendapatan kerana terlepas peluang untuk membuka cawangan baru di Terminal One, yang diberikan kepada Hebat Megah Sdn Bhd.

[33] Pengiraan bagaimana kerugian pendapatan sebanyak RM303,891 itu telah dikemukakan oleh SP6 iaitu juruaudit bertauliah plaintif. Pengiraan ini terdapat di dalam laporan SP6 yang dikemukakan di eksh P32. SP6 telah mengira kerugian pendapatan plaintif berdasarkan pendapatan tambahan (additional revenue) yang diperolehi oleh syarikat Hebat Megah Sdn Bhd bagi tahun-tahun 2003 dan 2004 setelah Hebat Megah Sdn. Bhd. membuka cawangan di Terminal One. Pengiraan SP6 adalah seperti berikut:

Pendapatan Tambahan Hebat Megah Sdn Bhd untuk tahun bertarikh 31 Disember 2003	
Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 tolak pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 (RM34,566,408 – RM16,862,363)	RM17,704,045
Pendapatan Tambahan Hebat Megah Sdn Bhd untuk tahun bertarikh 31 Disember 2004	
Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 tolak pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 (RM47,251,465 – RM34,566,408)	RM12,685,057
Jumlah	RM30,389,102

[34] Menurut kiraan SP6 jumlah pendapatan tambahan yang diperolehi oleh Hebat Megah setelah membuka cawangan baru di Terminal One adalah RM30,389,102. Daripada jumlah itu SP6 telah mengambil 1% sebagai 'gross margin' untuk anggaran kehilangan pendapatan. Menurut SP6, beliau telah membandingkan 'gross profit margin' untuk lima syarikat penukaran matawang asing yang lain dan mendapati angkanya ialah antara 0.8% hingga 1.6%. Oleh yang demikian, menurut SP6 kerugian plaintif disebabkan hilang peluang untuk membuka cawangan baru di Terminal One ialah 1% dari RM30,389,102 menjadikannya RM303,891.

[35] Dengan hormatnya, saya tidak dapat menerima perkiraan SP6 sebagai asas tuntutan plaintif di bawah item ini. Apa yang dikira oleh SP6 adalah pendapatan. Pendapatan adalah jumlah jualan bukan keuntungan. Keuntungan diperolehi setelah jumlah pendapatan ditolak dengan jumlah perbelanjaan. Kiraan ini tidak ditunjukkan oleh SP6. Apa yang ditunjukkan oleh SP6 ialah mengambil 1% daripada pendapatan tambahan Hebat Megah Sdn Bhd untuk dua tahun, dan menjadikan RM303,391 sebagai kerugian yang dialami oleh plaintif.

[36] Tambahan pula seperti yang diakui oleh SP6, bahawa Hebat Megah Sdn Bhd di samping mempunyai perniagaan di Seremban juga mempunyai perniagaan di Taman Segar, Kuala Lumpur. Jadi pendapatan Hebat Megah Sdn Bhd adalah dari dua tempat perniagaan. SP6 dalam kiraannya tidak menunjukkan pembahagian keuntungan atau pendapatan yang disumbangkan oleh setiap tempat perniagaan. Oleh itu, tidak diketahui bahagian keuntungan atau pendapatan yang telah disumbang oleh setiap cawangan.

[37] Saya juga dapati bahawa tidak terdapat keterangan yang nyata bahawa plaintif tidak dapat membuka cawangan baru disebabkan akaun plaintif telah dibekukan oleh defendan. Seperti yang diakui oleh SP1, untuk membuka cawangan baru, kebenaran mestilah diperolehi terlebih dahulu dari Bank Negara Malaysia ('BNM'). Dalam hal ini SP1 telah mengemukakan P26, iaitu permohonan plaintif kepada BNM. Tetapi tidak pula dikemukakan apa-apa dokumen untuk menunjukkan permohonan itu telah ditolak oleh BNM melainkan keterangan lisan SP1. Tetapi, jika keterangan lisan SP1 hendak diterima, alasan mengapa ianya ditolak tidak diketahui kerana plaintif tidak memanggil saksi dari BNM untuk mengesahkan keterangan lisan SP1.

[38] Jadi tuntutan plaintif di bawah item ini adalah ditolak.

(b) Ganti rugi atas kehilangan penggunaan akaun semasa plaintif yang dibekukan

[39] Plaintif telah menuntut sebanyak RM90,000 di bawah item ini. Untuk tujuan itu, plaintif sekali lagi bersandarkan keterangan SP6. Di dalam Appendix IV kepada eksibit P32, SP6 telah menetapkan RM2,000 sebulan sebagai kerugian atas ketidakbolehan plaintif menggunakan akaun semasa plaintif. Asasnya dinyatakan oleh SP6 seperti berikut:

> without the current account, the company has to appoint additional staff to manage the cash, security and also to manage the account. Directors time is taken to handle the monies and due to this, the directors lost opportunities.

[40] Setelah menetapkan RM2,000 sebulan sebagai kerugian pendapatan plaintif, SP6 membuat kiraan bahawa kehilangan tersebut adalah dari tempoh April 2002 sehingga Disember 2005 iaitu 45 bulan x RM2,000 menjadikannya RM90,000.

[41] Saya bersetuju dengan hujahan defendan mengenai soal ini bahawa kiraan SP6 adalah tidak berasas dan tidak disokong oleh keterangan. SP6 dalam keterangannya telah menyatakan bahawa plaintif perlu melantik pekerja tambahan untuk mengurus wang tunai dan pengarah-pengarah terpaksa mengambil masa

untuk mengendalikan wang tersebut. Tetapi SP6 tidak menyatakan siapakah pekerja tambahan yang terpaksa diambil oleh plaintif untuk tujuan tersebut. SP6 juga gagal menyatakan berapa lamakah tempoh masa tambahan yang terpaksa digunakan oleh pengarah-pengarah plaintif untuk mengendalikan wang tersebut tanpa adanya akaun semasa. Juga tidak dinyatakan apakah kehilangan peluang-peluang akibat masa yang digunakan oleh pengarah-pengarah plaintif.

[42] Semasa disoal balas, SP6 mengakui bahawa apa yang beliau nyatakan adalah apa yang diberitahu kepadanya oleh SP1. Menurut SP6, beliau tidak mempunyai pengetahuan peribadi mengenainya. Sudah tentu keterangan SP6 mengenai perkara ini adalah keterangan dengar cakap sebab SP1 semasa memberi keterangan tidak pula membangkitkan perkara-perkara yang dinyatakan oleh SP6. Kesimpulannya, keterangan SP6 mengenai isu ini adalah tidak bernilai dan tidak boleh dijadikan asas menyokong tuntutan plaintif di bawah item ini.

(c) Kehilangan nama baik (goodwill) dan imej

[43] SP1, di dalam keterangan telah menyatakan bahawa akibat tindakan defendan mendebitkan secara salah untuk RM478,000 ke akaunnya dan seterusnya akaun itu dibekukan, plaintif telah mengalami kesusahan-kesusahan seperti berikut:

(a) permohonan untuk pinjaman perumahan kepada Maybank telah ditolak;

(b) permohonan untuk membuka akaun baru bersama Maybank dan RHB Bank telah ditolak;

(c) dua cek yang dikeluarkan iaitu eksibit P5 dn P6 telah ditendang oleh defendan walaupun plaintif mempunyai wang yang cukup di dalam akaunnya pada ketika itu;

(d) penyata kewangan plaintif untuk tahun berakhir Ogos 2003 menunjukkan plaintif mempunyai kemudahan overdraft 'unsecured' untuk jumlah RM549,276 iaitu hutang tertunggak yang disebabkan oleh pendebitan RM478,000 secara salah oleh defendan sedangkan plaintif tidak ada sebarang kemudahan pinjaman bersama defendan;

(e) nama baik dan imej plaintif dan keyakinan plaintif sebagai seorang penukar matawang asing telah terjejas; dan

(f) plaintif kehilangan nama baik sebagai penukar matawang.

[44] Untuk menyokong tuntutan ini, plaintif sekali lagi bersandarkan kepada keterangan SP6 dan eksh P32. Di dalam keterangannya, SP6 menerangkan bagaimana kiraan kehilangan nama baik dan imej plaintif dibuat:

> The loss of goodwill and image to about 130 other tenants, existing customers and suppliers at approximately 0.5% of Bumi Cash revenue for the years ended 31 August 2003, 31 August 2004 and 31 August 2005.

[45] Kiraan SP6 adalah seperti berikut:

Tahun	Revenue	Loss of Goodwill and Image (0.5%)
31.8.2003	RM26,680,013	RM133,400
31.8.2004	RM48,769,063	RM243,845
31.8.2005	RM34,727,488	RM173,637
	Jumlah	RM550,883

[46] Dengan hormatnya, sekali lagi saya tidak dapat menerima asas pengiraan yang dibuat oleh SP6. Pertama, SP6 dalam keterangannya telah gagal untuk mengemukakan sebarang prinsip perakaunan yang digunapakai untuk mendapatkan 0.5% sebagai faktor pengiraan. SP6 semasa disoal balas telah menyatakan bahawa kiraan kadar 0.5% dari pendapatan plaintif adalah berdasarkan kajian yang beliau perolehi di dalam intent. Tetapi kajian yang terdapat di dalam intent itu tidak dikemukakan sebagai keterangan. Pembuat-pembuat kajian tersebut tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Jadi jumlah kehilangan nama baik dan imej sebanyak RM550,883 seperti yang dikira oleh SP6 itu tidak dapat dibuktikan dan dengan alasan ini sahaja tuntutan plaintif di bawah item ini seharusnya ditolak.

[47] Keduanya, saya tidak nampak apakah kaitan dengan kesusahan-kesusahan seperti yang dibangkitkan oleh plaintif dengan kehilangan nama baiknya sebagai pengurup wang. Misalnya plaintif mengatakan pinjaman perumahan daripada Maybank telah ditolak oleh Maybank, dan permohonan untuk membuka akaun dengan Maybank dan RHB Bank juga telah ditolak. Tetapi tidak ada apa-apa dokumen dikemukakan atau saksi-saksi dipanggil untuk menyokong dakwaan plaintif itu. Plaintif tidak mengemukakan sebarang dokumen mengenai permohonan yang dikatakan telah ditolak. Juga saksi-saksi daripada Maybank atau RHB Bank tidak dipanggil oleh plaintif untuk mengesahkan dakwaan plaintif itu. Jadi kesahihan keterangan SP1 adalah diragui.

[48] Saya juga dapati cek-cek yang tidak dilayan oleh defendan iaitu P5 dan P6 tidak ada sebarang kaitan dengan perniagaan plaintif. Cek-cek tersebut tidak dikeluarkan dalam urusan perniagaan plaintif sebagai pengurup matawang asing. Sebaliknya ia adalah untuk kegunaan peribadi iaitu untuk membayar servis kereta serta untuk membeli komputer.

[49] Undang-undang mengenai ganti rugi adalah jelas. Beban untuk membuktikan kerugian adalah terletak di bahu plaintif yang mesti membuktikan atas imbangan kebarangkalian. Seksyen 101 Akta Keterangan 1950 menyatakan:

> (1) Whoever desires any court to give judgment as to any legal right or liability depending on the existence of facts which he asserts, must prove that those facts exist.

[50] Di dalam kes *Bank Bumiputra Malaysia Berhad v First Circle Rubber Products Sdn Bhd* [2004] 7 MLJ 168, Ramly Ali H telah menyatakan bahawa:

> The defendants must understand that if they bring an action for damages, it is for them to prove their damages; it is not enough to write down the particulars so to speak, throw them

at the head of the court, saying 'This is what I have lost, I ask you to give me these damages'. They have to prove it.

[51] Saya sependapat dengan apa yang dikatakan oleh Ramli Ali H seperti di atas. Plaintif adalah dikehendaki membuktikan kerugian yang dialami. Di sini plaintif telah gagal berbuat demikian, maka sewajarnyalah tuntutan plaintif di bawah item ini ditolak.

[52] Seperkara yang dapat saya perhatikan di dalam kes ini ialah plaintif dalam pembuktian kerugiannya, banyak bergantung kepada keterangan SP6. Tetapi pada saya keterangan SP6 sebagai seorang saksi adalah kurang meyakinkan. SP6 semasa disoal balas mengenai pendapatan Hebat Megah Sdn Bhd, yang dijadikan perbandingan untuk mengira ganti rugi plaintif telah menyatakan seperti berikut:

Q: Do you know when Hebat Megah started operation in Terminal One?

A: Sometime in 2003. Not sure the time.

Q: You do not know when Hebat Megah started in Terminal One. So you do not know how much the branch contributed to the bottom line.

A: I agree.

Q: Yo do not know which particular branch contributed to the bottom line.

A: I agree.

[53] Apabila ditanya mengenai kehilangan nama baik dan imej SP6 menyatakan:

Q: How do you verify the loss of goodwill and image?

A: I assume only.

Q: You basis of loss of revenue on Hebat Megah total performance is erroneous.

A: I agree.

[54] Mengenai pengambilan 1% sebagai gross margin untuk kehilangan pendapatan, SP6 menyatakan:

Q: Where did you get the 1%?

A: Based on average margin of the industry.

Q: Where did you get the average margin of the industry?

A: From the Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Q: The loss of revenue of 0.5%, is it based on any established principle?

A: I obtained from the research in the internet.

[55] Pada saya kenyataan-kenyataan SP6 seperti di atas tidak membantu plaintif untuk menunjukkan kerugian yang dialami. Keterangan SP6 adalah tidak

meyakinkan dan tidak boleh menjadi sandaran untuk menyokong tuntutan plaintif sebanyak RM944,774 di bawah tajuk ganti rugi am.

(d) Ganti rugi teladan

[56] Plaintif telah memohon supaya mahkamah ini mengawardkan ganti rugi teladan sebanyak 25% daripada jumlah keseluruhan pampasan sebanyak RM944,774 seperti yang dipohon dan ini menjadikannya RM236,193.50. Plaintif berasaskan tuntutan 25% kepada authority *Templeton & Ors v Low Yat Holdings Sdn Bhd & Anor* [1993] 1 MLJ 443 di mana Edgar Joseph Jr telah memutuskan:

> I had when making the award of exemplary damages at the trial, arrived at the following conclusion. In all the circumstances, so far as the claim relating to lot 48 are concerned, I would award the plaintiffs a sum of RM25,000 by way of exemplary damages against both the defendants which represent a little less than 25% of the compensatory award of RM105,000.

[57] Prinsip di dalam kes tersebut tidak boleh dipakai dalam kes ini sebab plaintif gagal untuk mendapatkan pampasan RM944,774 seperti yang dipohon. Jadi 25% kepada jumlah yang kosong adalah kosong.

(e) Ganti rugi libel

[58] Plaintif menuntut ganti rugi libel sebanyak RM100,000. Asas tuntutan plaintif adalah kerana defendan telah dengan salahnya menolak dua keping cek P5 dan P6, yang dikeluarkan oleh plaintif walhal semasa plaintif mengeluarkan cek-cek tersebut, plaintif mempunyai wang yang mencukupi di dalam akaunnya. Pada saya plaintif memang mempunyai asas di dalam tuntutan ini. Di dalam *The Chartered Bank v Yong Chan* [1974] 1 MLJ 157, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

> A wrong dishonour of a cheque gives rise to two possible cause of action, one for breach of contract and the other in tort and in a proper case the practice has been to combine the two claims in one action.

[59] Persoalannya berapakah ganti rugi yang patut diberikan kepada plaintif. Defendan telah merujuk kepada kes *Great One Coconut Products Industries (M) Sdn Bhd v Malayan Banking Bhd* [1985] 2 MLJ 469 sebagai panduan untuk menentukan ganti rugi yang menyatakan:

> The question is what are the factors to be taken into consideration in order to award substantial but reasonable damages in favour of the plaintiff in the present case. In my opinion, the factors to be taken into consideration are as follows: First, the position and standing of the plaintiff as a trader, secondly, the nature of the trade of the plaintiff, thirdly, the conduct of the bank dishonouring the five bank drafts, and fourthly, whether there was injury to the credit of the plaintiff.

[60] Jika prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam kes tersebut dipakai di dalam kes plaintif ini maka menurut defendan plaintif hanya layak ganti rugi yang minima

dan mencadangkan RM2,000. Ini adalah menurut defendan bahawa plaintif gagal membuktikan bahawa akibat daripada pembekuan akaun semasa plaintif dan ketidakpenunaian cek-cek tersebut:

(a) jumlah pelanggannya berkurangan;

(b) pengurup-pengurup matawang asing lain enggan memberikan matawang asing kepada plaintif bila diperlukan;

(c) plaintif tidak boleh membuat sebarang pinjaman daripada mana-mana bank;

(d) plaintif telah disenaraihitamkan oleh bank-bank;

(e) nama baik plaintif tercemar; dan

(f) reputasi plaintif sebagai pengurup matawang asing terjejas.

Jadi menurut defendan bahawa plaintif hanya mendakwa kerugian tanpa membuktikannya dan mendakwa bahawa jika pun award hendak diberikan kepada plaintif di bawah item ini, jumlah sepatutnya dalam lingkungan RM2,000.

[61] Plaintif pula telah merujuk kepada kes *TOP-A Plastik Sdn Bhd v BCBB* (Suit No D5–22–1449 tahun 2000) suatu keputusan Ramly Ali J yang belum dilaporkan. Di dalam kes tersebut, BCBB telah membekukan akaun TOP-A Plastik dengan sahihnya selama 'tujuh hari perniagaan' mengakibatkan 14 keping cek yang dikeluarkan oleh TOP-A Plastik ditendang. Ramly Ali J telah mengawardkan kepada plaintif seperti berikut:

(i)	Ganti rugi Khas	— RM1,495,318.79
(ii)	Ganti rugi Am	— RM1,000,000
(iii)	Exemplary	— RM 500,000
		— RM2,995,318.79

Jadi menurut plaintif bahawa jumlah RM100,000 untuk ganti rugi libel seperti yang dipohon plaintif di dalam kes adalah adil dan munasabah.

[62] Dengan hormatnya, saya berpendapat bahawa jumlah yang dicadangkan oleh defendan adalah terlalu rendah, manakala jumlah yang dicadangkan oleh plaintif adalah terlalu tinggi. Pada saya jumlah ganti rugi libel bergantung kepada fakta dalam sesuatu kes. Di dalam kes ini dua cek P5 dan P6 yang dikeluarkan oleh plaintif telah ditendang oleh defendan. Cek P5 sebanyak RM2,500 dikeluarkan oleh plaintif kepada Bengkel Klasse Sdn. Bhd. untuk membayar servis kereta plaintif. Manakala cek P6 berjumlah RM4,750 untuk membeli komputer. Kedua-dua cek tersebut tidak melibatkan perniagaan plaintif yang berurusan sebagai pengurup matawang asing. Namun demikian, tindakan defendan tetap tergolong kepada perbuatan libel dan plaintif adalah berhak untuk menuntut ganti rugi. Dalam keadaan kes ini, saya berpendapat ganti rugi yang adil dan munasabah adalah sebanyak RM50,000.

(f) Yuran Profesional Juruaudit (SP6)

[63] Plaintif menuntut sebanyak RM7,150 untuk kos SP6 menyediakan laporan eksh P32. SP6 dalam keterangan beliau telah mengenakan caj sebanyak jumlah

tersebut sebagai yuran profesionalnya untuk menyediakan P32. Sebagai bukti SP6 telah mengemukakan bil P33. Pada saya jika pun jumlah tersebut telah dibayar kepada SP6 ia lebih merupakan perbelanjaan plaintif dalam mengendalikan tindakan ini. Oleh itu, ianya hanya boleh dituntut sebagai kos tindakan ini dan bukan ganti rugi seperti yang dituntut. Jadi tuntutan plaintif di bawah item ini adalah juga ditolak.

KESIMPULAN

[64] Keputusan mahkamah di dalam kes ini bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(i) tuntutan plaintif untuk deklarasi bahawa akaun semasa plaintif bersama defendan No 0506-0017242-05-03 telah didebitkan secara salah untuk jumlah RM478,000 dan faedah-faedah serta penalti ke atas akaun tersebut semenjak 8 Mac 2002 adalah dibenarkan;

(ii) defendan hendaklah merektifikasikan akaun semasa itu untuk menunjukkan bahawa plaintif tidak berhutang RM478,000 serta faedah-faedah dan penalti yang dikenakan ke atas akaun plaintif;

(iii) rektifikasi itu hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh penghakiman ini;

(iv) tuntutan balas defendan adalah ditolak;

(v) tuntutan plaintif untuk pampasan (compensatory damages) sebanyak RM944,774 adalah ditolak;

(vi) tuntutan plaintif untuk ganti rugi teladan sebanyak RM236,193.50 adalah ditolak;

(vii) tuntutan plaintif untuk yuran juruaudit RM7,150 adalah ditolak;

(viii) tuntutan plaintif untuk libel adalah dibenarkan sebanyak RM50,000 dengan faedah 8% setahun ditafsirkan dari 8 Mac 2002 ke tarikh penyelesaian sepenuhnya.

Tuntutan ditolak.

Reported by Sally Kee